P.U. (A) 258.

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967
DAN
AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

PERINTAH PELEPASAN CUKAI DUA KALI
(NEGARA BERAJA SEPANYOL) 2007

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 132(1) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*] dan subseksyen 65A(1) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [*Akta 543*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pelepasan Cukai Dua Kali (Negara Beraja Sepanyol) 2007**.

Pelepasan cukai dua kali

2. Adalah diisytiharkan bahawa perkiraan yang dinyatakan dalam Jadual telah dibuat oleh Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Beraja Sepanyol dengan tujuan memberikan pelepasan cukai dua kali berhubung dengan cukai Malaysia dan cukai Sepanyol (sebagaimana yang ditakrifkan dalam setiap hal dalam perkiraan itu) dan adalah suai manfaat perkiraan itu dikuatkuasakan.

JADUAL

(Perenggan 2)

PERJANJIAN ANTARA NEGARA BERAJA SEPANYOL DENGAN MALAYSIA BAGI PENGELAKAN PENCUKAIAN DUA KALI DAN PENCEGAHAN PELARIAN FISKAL MENGENAI CUKAI ATAS PENDAPATAN

Kerajaan Beraja Sepanyol dan Kerajaan Malaysia berhasrat untuk membuat Perjanjian bagi Pengelakan Pencukaian Dua Kali dan Pencegahan Pelarian Fiskal mengenai Cukai atas Pendapatan telah bersetuju seperti yang berikut:

Perkara 1

ORANG YANG DILIPUTI

Perjanjian ini hendaklah terpakai bagi orang yang merupakan pemastautin di satu atau kedua-dua Negara Pejanji.

Perkara 2

CUKAI YANG DILIPUTI

1. Perjanjian ini hendaklah terpakai bagi cukai atas pendapatan yang dikenakan bagi pihak suatu Negara Pejanji atau subbahagian politik atau pihak berkuasa tempatannya, tanpa mengira cara cukai atas pendapatan itu dilevikan.

2. Maka hendaklah dianggap sebagai cukai atas pendapatan semua cukai yang dikenakan atas jumlah pendapatan, atau atas unsur pendapatan.

3. Cukai yang sedia ada yang menjadi subjek Perjanjian ini ialah:

(a) di Malaysia:

(i) cukai pendapatan; dan

(ii) cukai pendapatan petroleum;

(kemudian daripada ini disebut "cukai Malaysia");

(b) di Sepanyol:

(i) cukai pendapatan atas individu;

(ii) cukai perbadanan; dan

(iii) cukai pendapatan atas bukan pemastautin;

(kemudian daripada ini disebut "cukai Sepanyol").

4. Perjanjian ini hendaklah terpakai juga bagi apa-apa cukai yang sama atau yang sebahagian besarnya serupa yang dikenakan selepas tarikh Perjanjian ini ditandatangani sebagai tambahan kepada, atau menggantikan, cukai yang sedia ada. Pihak berkuasa berwibawa Negara Pejanji hendaklah memberitahu satu sama lain tentang apa-apa perubahan penting yang telah dibuat dalam undang-undang pencukaian mereka.

Perkara 3

TAKRIF AM

1. Bagi maksud Perjanjian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

(a) istilah "Malaysia" ertinya wilayah Persekutuan Malaysia, perairan wilayah Malaysia serta dasar laut dan subtanih perairan wilayah itu, dan termasuklah mana-mana kawasan yang melewati batasan perairan wilayah Malaysia serta dasar laut dan subtanih mana-mana kawasan sedemikian, yang telah atau boleh kemudian daripada ini ditetapkan di bawah undang-undang Malaysia dan mengikut undang-undang antarabangsa sebagai suatu kawasan yang ke atasnya Malaysia mempunyai hak kedaulatan bagi maksud menjelajah dan mengeksploitasi sumber semulajadi, sama ada hidup atau tidak hidup;

(b) istilah "Sepanyol" ertinya Negara Beraja Sepanyol, dan apabila digunakan dalam pengertian geografi, ertinya wilayah Negara Beraja Sepanyol, termasuklah laut wilayahnya dan mana-mana kawasan di luar laut wilayahnya yang ke atasnya, mengikut undang-undang antarabangsa dan berdasarkan pemakaian perundangan domestiknya, Negara Beraja Sepanyol menjalankan atau boleh menjalankan bidang kuasa atau

hak kedaulatan pada masa hadapan mengenai dasar laut, subtanih dan perairan superjasennya, dan sumber semula jadi mereka;

(c) istilah "suatu Negara Pejanji" dan "Negara Pejanji yang satu lagi" ertinya Sepanyol atau Malaysia mengikut kehendak konteks;

(d) istilah "orang" termasuklah seseorang individu, sesuatu syarikat dan mana-mana kumpulan orang yang lain;

(e) istilah "syarikat" ertinya mana-mana pertubuhan perbadanan atau apa-apa entiti yang dikira sebagai suatu pertubuhan perbadanan bagi maksud cukai;

(f) istilah "perusahaan suatu Negara Pejanji" dan "perusahaan Negara Pejanji yang satu lagi" masing-masing ertinya suatu perusahaan yang dijalankan oleh pemastautin suatu Negara Pejanji dan suatu perusahaan yang dijalankan oleh pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi;

(g) istilah "rakyat" ertinya:

(i) mana-mana individu yang mempunyai kerakyatan atau kewarganegaraan suatu Negara Pejanji;

(ii) mana-mana orang di sisi undang-undang perkongsian atau persatuan yang memperoleh tarafnya yang sedemikian daripada undang-undang yang berkuat kuasa di suatu Negara Pejanji;

(h) istilah "lalu lintas antarabangsa" ertinya apa-apa pengangkutan dengan kapal atau pesawat udara yang dikendalikan oleh sesuatu perusahaan Negara Pejanji, kecuali apabila kapal atau pesawat udara itu dikendalikan semata-mata di antara tempat-tempat yang terletak di dalam Negara Pejanji yang satu lagi;

(i) istilah "pihak berkuasa berwibawa" ertinya:

(i) dalam hal Malaysia, Menteri Kewangan atau wakilnya yang diberi kuasa; dan

(ii) dalam hal Sepanyol, Menteri Kewangan atau wakilnya yang diberi kuasa.

2. Berkenaan dengan pemakaian Perjanjian ini pada bila-bila masa oleh suatu Negara Pejanji, mana-mana istilah yang tidak ditakrifkan dalam Perjanjian ini hendaklah, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, mempunyai erti yang dipunyainya pada masa itu di bawah undang-undang Negara itu bagi maksud cukai yang baginya Perjanjian ini terpakai, apa-apa erti di bawah undang-undang cukai yang terpakai bagi negara itu mengatasi erti yang diberikan kepada istilah itu di bawah undang-undang lain Negara itu.

Perkara 4

PEMASTAUTIN

1. Bagi maksud Perjanjian ini, istilah "pemastautin suatu Negara Pejanji" ertinya mana-mana orang yang, di bawah undang-undang Negara itu, boleh dikenakan cukai di dalamnya oleh sebab domisilnya, pemastautinannya, tempat pengurusannya atau apa-apa kriteria lain yang serupa jenisnya, dan juga termasuklah Negara itu, mana-mana subbahagian politik, pihak berkuasa tempatan atau sesuatu badan berkanunnya.

2. Jika disebabkan oleh peruntukan perenggan 1, seseorang individu ialah pemastautin kedua-dua Negara Pejanji, maka tarafnya hendaklah ditentukan seperti yang berikut:

(a) dia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin hanya bagi negara yang di dalamnya dia mempunyai tempat kediaman tetap yang tersedia baginya; jika dia mempunyai tempat kediaman tetap yang tersedia untuknya di kedua-dua negara, dia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin hanya bagi Negara yang dengannya hubungan peribadi dan ekonominya adalah lebih rapat (pusat kepentingan utama);

(b) jika Negara yang di dalamnya dia mempunyai pusat kepentingan utamanya tidak dapat ditentukan, atau jika dia tidak mempunyai tempat kediaman tetap yang tersedia baginya di salah satu Negara, dia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin hanya bagi Negara yang di dalamnya dia mempunyai tempat tinggal yang lazim;

(c) jika dia mempunyai tempat tinggal yang lazim di kedua-dua Negara atau tidak mempunyai tempat tinggal yang lazim di kedua-dua Negara itu, dia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin hanya bagi Negara yang dia ialah rakyatnya;

(d) jika dia ialah rakyat kedua-dua Negara atau bukan rakyat kedua-dua Negara itu, pihak berkuasa berwibawa Negara Pejanji hendaklah menyelesaikan persoalan itu melalui persetujuan bersama.

3. Jika disebabkan oleh peruntukan perenggan 1, seseorang selain seseorang individu ialah pemastautin kedua-dua Negara Pejanji, pihak berkuasa berwibawa Negara Pejanji hendaklah menyelesaikan persoalan itu melalui persetujuan bersama dengan mengambil kira di mana terletaknya tempat pengurusan berkesan.

Perkara 5

ESTABLISMEN TETAP

1. Bagi maksud Perjanjian ini, istilah "establismen tetap" ertinya suatu tempat perniagaan tetap yang melaluinya perniagaan sesuatu perusahaan dijalankan secara keseluruhannya atau sebahagiannya.

2. Istilah "establismen tetap" termasuklah terutamanya:

(a) sesuatu tempat pengurusan;

(b) sesuatu cawangan;

(c) sesuatu pejabat;

(d) sesuatu kilang;

(e) sesuatu bengkel; dan

(f) sesuatu lombong, telaga minyak atau gas, sesuatu kuari atau mana-mana tempat pengeluaran sumber semula jadi yang lain.

3. Sesuatu tapak bangunan, sesuatu projek pembinaan, pemasangan atau pepasangan menjadi suatu establismen tetap hanya jika tapak atau projek itu wujud lebih daripada dua belas bulan.

4. Sesuatu perusahaan suatu Negara Pejanji hendaklah disifatkan mempunyai suatu establismen tetap di Negara Pejanji yang satu lagi jika perusahaan itu menjalankan aktiviti penyeliaan di Negara yang satu lagi itu selama lebih daripada enam bulan berkaitan dengan suatu tapak bangunan atau suatu projek pembinaan, pemasangan atau pepasangan yang sedang dijalankan di Negara yang satu lagi itu.

5. Walau apa pun peruntukan yang terdahulu Perkara ini, istilah "establismen tetap" hendaklah disifatkan tidak termasuk:

(a) penggunaan kemudahan semata-mata bagi maksud penyimpanan, pempameran atau penyerahan barangan atau dagangan kepunyaan perusahaan itu;

(b) penyelenggaraan sesuatu stok barangan atau dagangan kepunyaan perusahaan itu semata-mata bagi maksud penyimpanan, pempameran atau penyerahan;

(c) penyelenggaraan sesuatu stok barangan atau dagangan kepunyaan perusahaan itu semata-mata bagi maksud pemprosesan oleh perusahaan yang lain;

(d) penyelenggaraan sesuatu tempat perniagaan yang tetap semata-mata bagi maksud pembelian barangan atau dagangan, atau bagi maksud pengumpulan maklumat, bagi perusahaan itu;

(e) penyelenggaraan sesuatu tempat perniagaan yang tetap semata-mata bagi maksud menjalankan apa-apa aktiviti lain yang bersifat persediaan atau tambahan bagi perusahaan itu;

(f) penyelenggaraan sesuatu tempat perniagaan yang tetap semata-mata bagi apa-apa kombinasi aktiviti yang disebut dalam subperenggan (a) hingga (e), dengan syarat bahawa aktiviti keseluruhan tempat perniagaan yang tetap itu yang terhasil daripada kombinasi ini bersifat persediaan atau tambahan.

6. Walau apa pun peruntukan perenggan 1 dan 2, jika seseorang- selain ejen bertaraf bebas yang baginya perenggan 7 terpakai- bertindak di salah satu daripada Negara bagi pihak suatu perusahaan Negara yang satu lagi, perusahaan itu hendaklah disifatkan mempunyai suatu establismen tetap di Negara yang mula-mula disebut itu berkenaan dengan apa-apa aktiviti yang dijalankan oleh orang itu bagi perusahaan itu, jika orang itu:

(a) mempunyai, dan lazimnya menjalankan di dalam Negara yang mula-mula disebut itu suatu kuasa untuk membuat kontrak atas nama perusahaan itu, melainkan jika aktiviti orang sedemikian adalah terhad kepada aktiviti yang disebut dalam perenggan 5 yang, jika dijalankan melalui tempat perniagaan yang tetap, tidak akan menjadikan tempat perniagaan yang tetap ini suatu establismen tetap di bawah peruntukan perenggan itu; atau

(b) tidak mempunyai kuasa sedemikian, tetapi lazimnya menyelenggarakan di Negara yang mula-mula disebut itu suatu stok barangan atau dagangan kepunyaan perusahaan yang daripadanya dia biasa memenuhi tempahan bagi pihak perusahaan itu.

7. Suatu perusahaan tidak boleh disifatkan mempunyai suatu establismen tetap di suatu Negara Pejanji hanya kerana perusahaan itu menjalankan perniagaan di Negara itu melalui broker, ejen komisen am atau mana-mana ejen lain yang bertaraf bebas, dengan syarat bahawa orang sedemikian bertindak dalam perjalanan biasa urusan mereka.

8. Hakikat bahawa sesuatu syarikat yang merupakan pemastautin suatu Negara Pejanji mengawal atau dikawal oleh sesuatu syarikat yang merupakan pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi, atau yang menjalankan perniagaan di Negara yang satu lagi itu (sama ada melalui suatu establismen tetap atau selainnya), tidaklah dengan sendirinya menjadikan mana-mana satu syarikat itu suatu establismen tetap syarikat yang satu lagi.

Perkara 6

PENDAPATAN DARIPADA HARTA TAK ALIH

1. Pendapatan yang diperoleh oleh pemastautin suatu Negara Pejanji daripada harta tak alih (termasuk pendapatan daripada pertanian atau perhutanan) yang terletak di Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukai di Negara yang satu lagi itu.

2. Istilah “harta tak alih” hendaklah mempunyai erti yang dipunyainya di bawah undang-undang Negara Pejanji yang di dalamnya harta yang berkenaan itu terletak. Istilah itu hendaklah dalam apa-apa hal termasuk harta tambahan kepada harta tak alih, ternakan dan kelengkapan yang digunakan dalam pertanian dan perhutanan, hak yang baginya peruntukan undang-undang am berkenaan dengan harta tanah terpakai, usufruk harta tak alih dan hak kepada pembayaran berubah atau tetap sebagai balasan bagi mengerjakan, atau hak untuk mengerjakan, mendapan mineral, sumber dan sumber semula jadi yang lain; kapal, bot dan pesawat udara tidaklah boleh dianggap sebagai harta tak alih.

3. Peruntukan perenggan 1 hendaklah terpakai bagi pendapatan yang diperoleh daripada penggunaan langsung, penyewaan, atau penggunaan dalam apa-apa bentuk lain harta tak alih.

4. Peruntukan perenggan 1 dan 3 hendaklah terpakai juga bagi pendapatan daripada harta tak alih sesuatu perusahaan dan bagi pendapatan daripada harta tak alih yang digunakan bagi pelaksanaan perkhidmatan persendirian bebas.

Perkara 7

KEUNTUNGAN PERNIAGAAN

1. Keuntungan sesuatu perusahaan suatu Negara Pejanji boleh dikenakan cukai hanya di Negara itu melainkan jika perusahaan itu menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi melalui suatu establismen tetap yang terletak di dalamnya. Jika perusahaan itu menjalankan perniagaan sebagaimana yang disebut terdahulu, keuntungan perusahaan itu bolehlah dicukai di Negara yang satu lagi tetapi hanya sekian banyak daripada keuntungannya yang boleh dikaitkan dengan establismen tetap itu.

2. Tertakluk kepada peruntukan perenggan 3, jika sesuatu perusahaan suatu Negara Pejanji menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi melalui suatu establismen tetap yang terletak di dalamnya, maka hendaklah, di setiap Negara Pejanji, dikaitkan dengan establismen tetap itu keuntungan yang mungkin dijangkakan dapat dibuat olehnya jika perusahaan itu ialah suatu perusahaan yang berlainan dan berasingan yang terlibat dalam aktiviti yang sama atau serupa di bawah keadaan yang sama atau serupa dan yang berurusan dengan sepenuh kebebasan dengan perusahaan yang baginya ia merupakan establismen tetap.

3. Dalam menentukan keuntungan sesuatu establismen tetap, maka hendaklah dibenarkan sebagai potongan perbelanjaan yang dilakukan bagi maksud establismen tetap, termasuk perbelanjaan pentadbiran eksekutif dan am yang dilakukan sedemikian, sama ada di Negara yang di dalamnya establismen tetap itu terletak atau di tempat lain.

4. Jika maklumat yang tersedia untuk pihak berkuasa berwibawa tidak mencukupi untuk menentukan keuntungan yang hendak dikaitkan dengan establismen tetap sesuatu perusahaan, tiada apa-apa jua dalam Perkara ini boleh menyentuh pemakaian mana-mana undang-undang Negara itu yang berhubungan dengan penentuan tanggungan cukai seseorang, dengan syarat bahawa undang-undang itu hendaklah terpakai, setakat yang dibenarkan oleh maklumat yang tersedia untuk pihak berkuasa berwibawa, mengikut prinsip Perkara ini.

5. Tiada keuntungan boleh dikaitkan dengan sesuatu establismen tetap semata-mata oleh sebab establismen tetap itu membeli barangan atau dagangan bagi perusahaan itu.

6. Bagi maksud perenggan yang terdahulu, keuntungan yang hendak dikaitkan dengan establismen tetap itu hendaklah ditentukan melalui kaedah yang sama dari tahun ke tahun melainkan jika terdapat alasan yang baik dan mencukupi untuk melakukan sebaliknya.

7. Jika keuntungan termasuk butiran pendapatan yang diperkatakan secara berasingan dalam Perkara lain Perjanjian ini, maka peruntukan Perkara itu tidak akan tersentuh oleh peruntukan Perkara ini.

Perkara 8

PERKAPALAN DAN PENGANGKUTAN UDARA

1. Keuntungan sesuatu perusahaan suatu Negara Pejanji daripada pengendalian kapal atau pesawat udara dalam lalu lintas antarabangsa boleh dikenakan cukai hanya di Negara itu sahaja.

2. Perenggan 1 hendaklah juga terpakai bagi perkongsian keuntungan daripada pengendalian kapal atau pesawat udara yang diperoleh oleh sesuatu perusahaan suatu Negara Pejanji melalui penyertaan dalam sesuatu kumpulan, perniagaan bersama atau agensi pengendalian antarabangsa.

Perkara 9

PERUSAHAAN BERSEKUTU

1. Jika–

(a) sesuatu perusahaan suatu Negara Pejanji menyertai secara langsung atau tidak langsung dalam pengurusan, pengawalan atau modal sesuatu perusahaan Negara Pejanji yang satu lagi, atau

(b) orang yang sama menyertai secara langsung atau tidak langsung dalam pengurusan, pengawalan atau modal sesuatu perusahaan suatu Negara Pejanji dan sesuatu perusahaan Negara Pejanji yang satu lagi;

dan dalam mana-mana satu hal syarat-syarat dibuat atau dikenakan antara kedua-dua perusahaan dalam hubungan komersial atau kewangan mereka yang berbeza daripada apa yang akan dibuat antara perusahaan bebas, maka apa-apa keuntungan yang, jika tidak kerana syarat-syarat itu, sepatutnya telah terakru kepada salah satu daripada perusahaan itu, tetapi, disebabkan oleh syarat-syarat itu, telah tidak terakru sedemikian, bolehlah dimasukkan dalam keuntungan perusahaan itu dan dicukai dengan sewajarnya.

2. Jika suatu Negara Pejanji memasukkan dalam keuntungan sesuatu perusahaan Negara itu– dan mengenakan cukai dengan sewajarnya– keuntungan yang atasnya suatu perusahaan Negara Pejanji yang satu lagi telah dikenakan cukai di Negara yang satu lagi itu dan keuntungan yang dimasukkan sedemikian itu ialah keuntungan yang sepatutnya telah terakru kepada perusahaan Negara yang mula-mula disebut itu jika syarat-syarat yang dibuat antara kedua-dua perusahaan itu merupakan syarat-syarat yang akan dibuat antara kedua-dua perusahaan bebas, maka Negara yang satu lagi itu hendaklah membuat suatu

pelarasan yang sesuai kepada jumlah cukai yang dikenakan di dalam Negara itu ke atas keuntungan itu jika pelarasan itu dianggap wajar oleh Negara yang satu lagi itu. Dalam menentukan pelarasan sedemikian, perhatian yang sewajarnya hendaklah diberikan kepada peruntukan lain Perjanjian ini dan pihak berkuasa berwibawa Negara Pejanji hendaklah jika perlu berunding antara satu sama lain.

Perkara 10

DIVIDEN

1. Dividen yang dibayar oleh sesuatu syarikat yang merupakan pemastautin suatu Negara Pejanji kepada pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukai di Negara yang satu lagi itu.

2. Walau bagaimanapun, dividen itu boleh juga dicukai di Negara Pejanji yang syarikat yang membayar dividen merupakan pemastautin dan mengikut undang-undang Negara itu, tetapi jika pemunya benefisial dividen itu ialah pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi, cukai yang dikenakan sedemikian tidak boleh melebihi 5 peratus daripada jumlah kasar dividen itu. Walau apa pun peruntukan terdahulu perenggan ini, Negara Pejanji yang baginya syarikat yang membayar dividen ialah pemastautin hendaklah mengecualikan daripada cukai dividen yang dibayar oleh syarikat itu kepada suatu syarikat yang modalnya dibahagi secara keseluruhan atau sebahagian kepada syer dan merupakan pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi itu, selagi ia memegang secara langsung sekurang-kurangnya 5 peratus daripada modal syarikat yang membayar dividen itu.

Perenggan ini tidaklah menyentuh pencukaian syarikat itu berkenaan dengan keuntungan yang daripadanya dividen itu dibayar.

3. Istilah "dividen" sebagaimana yang digunakan dalam Perkara ini ertinya pendapatan daripada syer atau hak lain, yang bukannya tuntutan hutang, penyertaan dalam keuntungan, dan juga pendapatan daripada hak perbadanan lain yang tertakluk kepada kaedah pencukaian yang sama sebagaimana pendapatan daripada syer oleh undang-undang Negara yang baginya syarikat membuat pengagihan itu merupakan pemastautin.

4. Peruntukan perenggan 1 dan 2 tidaklah terpakai jika pemunya benefisial dividen itu, yang merupakan pemastautin suatu Negara Pejanji, menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi yang baginya syarikat yang membayar dividen itu merupakan pemastautin, melalui suatu establismen tetap yang terletak di dalamnya, atau menjalankan di Negara yang satu lagi itu perkhidmatan persendirian bebas dari suatu pusat kegiatan tetap yang terletak di dalamnya, dan pemegangan berkenaan dengannya dividen itu dibayar adalah sebenarnya berkaitan dengan establismen tetap atau pusat kegiatan tetap itu. Dalam hal yang sedemikian, peruntukan Perkara 7 atau Perkara 4, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah terpakai.

5. Jika sesuatu syarikat yang merupakan pemastautin suatu Negara Pejanji memperoleh keuntungan atau pendapatan daripada Negara Pejanji yang satu lagi, maka Negara yang satu lagi itu tidak boleh mengenakan apa-apa cukai

ke atas dividen yang dibayar oleh syarikat itu, kecuali setakat yang dividen itu dibayar oleh pemastautin Negara yang satu lagi itu atau setakat yang pemegangan yang berkenaan dengannya dividen itu dibayar adalah sebenarnya berkaitan dengan establismen tetap atau pusat kegiatan tetap yang terletak di Negara yang satu lagi itu, atau tidak boleh menjadikan keuntungan tidak diagihkan syarikat itu tertakluk kepada cukai atas keuntungan tidak diagihkan syarikat itu, walaupun jika dividen yang dibayar atau keuntungan tidak diagihkan itu terdiri keseluruhannya atau sebahagiannya daripada keuntungan atau pendapatan yang terbit di Negara yang satu lagi itu.

Perkara 11

BUNGA

1. Bunga yang terbit di suatu Negara Pejanji dan dibayar kepada pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukai di Negara yang satu lagi itu.

2. Walau bagaimanapun, bunga itu boleh juga dicukai di Negara Pejanji yang di dalamnya bunga itu terbit, dan mengikut undang-undang Negara itu, tetapi jika pemunya benefisial bunga itu ialah pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi, cukai yang dikenakan sedemikian tidak boleh melebihi 10 peratus daripada jumlah kasar bunga itu.

3. Walau apa pun peruntukan perenggan 2, Kerajaan suatu Negara Pejanji hendaklah dikecualikan daripada cukai di Negara Pejanji yang satu lagi berkenaan dengan bunga yang diperoleh oleh Kerajaan itu daripada Negara yang satu lagi itu.

4. Bagi maksud perenggan 3, istilah "Kerajaan":

(a) dalam hal Malaysia ertinya Kerajaan Malaysia dan hendaklah termasuk:

(i) kerajaan-kerajaan negeri;

(ii) Bank Negara Malaysia;

(iii) pihak berkuasa tempatan;

(iv) badan berkanun; dan

(v) Bank Eksport-Import Malaysia Berhad (Bank EXIM), atau mana-mana institusi kewangan Malaysia yang lain sebagaimana yang dipersetujui oleh pihak berkuasa berwibawa Negara Pejanji.

(b) dalam hal Sepanyol ertinya Kerajaan Sepanyol dan termasuklah subbahagian politik dan pihak berkuasa tempatannya, Bank Pusat Sepanyol, *Instituto de Crédito Oficial, Compañía Española de Seguros de Crédito a la Exportación, Compañía Española de Financiación del Desarrollo* atau apa-apa perantaraan kewangan Sepanyol lain sebagaimana yang dipersetujui oleh pihak berkuasa berwibawa Negara Pejanji.

5. Istilah "bunga" sebagaimana yang digunakan dalam Perkara ini ertinya pendapatan daripada semua jenis tuntutan hutang sama ada dicagarkan melalui gadai janji atau tidak dan sama ada membawa hak untuk menyertai dalam keuntungan penghutang atau tidak, dan khususnya, pendapatan daripada sekuriti kerajaan dan pendapatan daripada bon atau debentur, termasuk premium dan hadiah atas sekuriti, bon atau debentur itu, dan juga pendapatan lain yang, mengikut undang-undang pencukaian Negara yang di dalamnya pendapatan itu diperoleh, disifatkan sebagai pendapatan daripada wang yang dipinjam. Caj penalti kerana pembayaran lewat tidak boleh dianggap sebagai bunga bagi maksud Perkara ini.

6. Peruntukan perenggan 1 dan 2 tidaklah terpakai jika pemunya benefisial bunga itu, yang merupakan pemastautin suatu Negara Pejanji, menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi yang di dalamnya bunga itu terbit, melalui suatu establismen tetap yang terletak di dalamnya, atau menjalankan di Negara yang satu lagi itu perkhidmatan persendirian bebas dari suatu pusat kegiatan tetap yang terletak di dalamnya, dan tuntutan hutang yang berkenaan dengannya bunga itu dibayar adalah sebenarnya berkaitan dengan establismen tetap atau pusat kegiatan tetap itu. Dalam hal yang sedemikian, peruntukan Perkara 7 atau Perkara 14, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah terpakai.

7. Bunga hendaklah disifatkan terbit di suatu Negara Pejanji jika pembayarnya ialah pemastautin Negara itu. Jika, walau bagaimanapun, orang yang membayar bunga itu, sama ada dia merupakan pemastautin suatu Negara Pejanji atau bukan, mempunyai di suatu Negara Pejanji suatu establismen tetap atau pusat kegiatan tetap yang berkaitan dengannya keberhutangan yang ke atasnya bunga itu dibayar telah dilakukan, dan bunga itu ditanggung oleh establismen tetap atau pusat kegiatan tetap itu, maka bunga itu hendaklah disifatkan terbit di Negara yang di dalamnya establismen tetap atau pusat kegiatan tetap itu terletak.

8. Jika, disebabkan oleh suatu hubungan istimewa antara pembayar dengan pemunya benefisial atau antara kedua-dua mereka dengan mana-mana orang lain, jumlah bunga, dengan mengambil kira tuntutan hutang yang kerananya bunga itu dibayar, melebihi jumlah yang akan dipersetujui oleh pembayar dan pemunya benefisial itu jika tidak ada hubungan sedemikian, peruntukan Perkara ini hendaklah terpakai hanya bagi jumlah bunga yang terakhir disebut itu. Dalam hal yang sedemikian, bahagian selebihnya bayaran itu tetap boleh dikenakan cukai mengikut undang-undang setiap Negara Pejanji, setelah mengambil kira dengan sewajarnya peruntukan lain Perjanjian ini.

Perkara 12

ROYALTI

1. Royalti dan fi bagi perkhidmatan teknik yang terbit di suatu Negara Pejanji dan dibayar kepada pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukai di Negara yang satu lagi itu.

2. Walau bagaimanapun, royalti dan fi bagi perkhidmatan teknik sedemikian boleh juga dicukai di Negara Pejanji yang di dalamnya royalti itu terbit, dan mengikut undang-undang Negara itu, tetapi, jika pemunya benefisial royalti itu ialah pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi, cukai yang dikenakan sedemikian tidak boleh melebihi:

(i) 7 peratus daripada jumlah kasar royalti itu; dan

(ii) 5 peratus daripada jumlah kasar fi bagi perkhidmatan teknik itu.

3. Istilah "royalti" sebagaimana yang digunakan dalam Perkara ini ertinya apa-apa jenis bayaran yang diterima sebagai balasan bagi penggunaan, atau hak untuk mengguna, apa-apa hak cipta karya kesusasteraan, kesenian atau saintifik termasuk filem sinematograf dan filem atau pita bagi penyiaran radio atau televisyen, apa-apa paten, cap dagangan, reka bentuk atau model, pelan, formula atau proses rahsia, atau bagi penggunaan, atau hak untuk menggunakan kelengkapan perindustrian, komersial atau saintifik, atau bagi maklumat (kepandaian) berkenaan dengan pengalaman perindustrian, komersial atau saintifik.

4. Istilah "fi bagi perkhidmatan teknik" sebagaimana yang digunakan dalam Perkara ini ertinya apa-apa jenis bayaran kepada mana-mana orang, selain kepada pekerja orang yang membuat pembayaran itu, sebagai balasan bagi apa-apa perkhidmatan yang bersifat teknikal, pengurusan atau khidmat runding.

5. Peruntukan perenggan 1 dan 2 tidaklah terpakai jika pemunya benefisial royalti atau fi bagi perkhidmatan teknik itu, yang merupakan pemastautin suatu Negara Pejanji, menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi yang di dalamnya royalti atau fi itu terbit, melalui suatu establismen tetap yang terletak di dalamnya, atau menjalankan di Negara yang satu lagi itu perkhidmatan persendirian bebas dari pusat kegiatan tetap yang terletak di dalamnya, dan hak atau harta yang berkenaan dengannya royalti atau fi itu dibayar adalah sebenarnya berkaitan dengan establismen tetap atau pusat kegiatan tetap itu. Dalam hal yang sedemikian, peruntukan Perkara 7 atau Perkara 14, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah terpakai.

6. Royalti hendaklah disifatkan terbit di suatu Negara Pejanji jika pembayarnya ialah pemastautin Negara itu. Jika, walau bagaimanapun, orang yang membayar royalti itu, sama ada dia merupakan pemastautin suatu Negara Pejanji atau bukan, mempunyai di suatu Negara Pejanji suatu establismen tetap atau pusat kegiatan tetap yang berkaitan dengannya liabiliti untuk membayar royalti itu telah dilakukan, dan royalti sedemikian ditanggung oleh establismen tetap atau pusat kegiatan tetap itu, maka royalti itu hendaklah disifatkan terbit di Negara yang di dalamnya establismen tetap atau pusat kegiatan tetap itu terletak.

7. Fi bagi perkhidmatan teknik hendaklah disifatkan terbit di suatu Negara Pejanji jika perkhidmatan diberikan di Negara itu.

8. Jika, disebabkan oleh suatu hubungan istimewa antara pembayar dengan pemunya benefisial atau antara kedua-dua mereka dengan mana-mana orang lain, jumlah royalti atau fi bagi perkhidmatan teknik itu, dengan mengambil kira

penggunaan, hak atau maklumat yang baginya royalti atau fi bagi perkhidmatan teknik itu dibayar, melebihi jumlah yang akan dipersetujui oleh pembayar dan pemunya benefisial itu jika tidak ada hubungan sedemikian, peruntukan Perkara ini hendaklah terpakai hanya bagi jumlah yang terakhir disebut itu. Dalam hal yang sedemikian, bahagian selebihnya bayaran itu tetap boleh dikenakan cukai mengikut undang-undang setiap Negara Pejanji, setelah mengambil kira dengan sewajarnya peruntukan lain Perjanjian itu.

Perkara 13

LABA MODAL

1. Laba yang diperoleh oleh pemastautin sesuatu Negara Pejanji daripada pemberian hakmilik harta tak alih yang disebut dalam Perkara 6 dan terletak di dalam Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukai di Negara yang satu lagi itu.

2. Laba daripada pemberian hakmilik harta alih yang menjadi sebahagian daripada harta perniagaan suatu establismen tetap yang dipunyai oleh perusahaan suatu Negara Pejanji di dalam Negara Pejanji yang satu lagi, atau pemberian hakmilik harta alih yang berkaitan dengan suatu pusat kegiatan tetap yang tersedia bagi pemastautin suatu Negara Pejanji di dalam Negara Pejanji yang satu lagi bagi maksud menjalankan perkhidmatan persendirian bebas, termasuklah apa-apa laba daripada pemberian hakmilik establismen tetap itu (secara tunggal atau berserta keseluruhan perusahaan), atau pemberian hakmilik pusat kegiatan tetap itu boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu.

3. Laba daripada pemberian hakmilik kapal atau pesawat udara yang dikendalikan dalam lalu lintas antarabangsa, atau harta alih yang berkaitan dengan pengendalian kapal atau pesawat udara sedemikian, hendaklah dicukai hanya di Negara Pejanji yang di dalamnya perusahaan itu merupakan pemastautin.

4. Laba yang diperoleh oleh pemastautin suatu Negara Pejanji daripada pemberian hakmilik saham atau kepentingan sebanding yang terbit lebih daripada 50 peratus daripada nilainya secara langsung atau tidak langsung daripada harta tak alih yang terletak di dalam Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukai di Negara yang satu lagi itu.

5. Laba daripada pemberian hakmilik apa-apa harta selain yang disebut dalam perenggan 1, 2, 3 dan 4 hendaklah dicukai hanya di Negara Pejanji yang pemberi hakmilik itu merupakan pemastautin.

Perkara 14

PERKHIDMATAN PERSENDIRIAN BEBAS

1. Pendapatan yang diperoleh oleh pemastautin suatu Negara Pejanji berkenaan dengan perkhidmatan profesional atau aktiviti lain yang bersifat bebas boleh dikenakan cukai hanya di Negara itu melainkan jika dia mempunyai suatu

pusat kegiatan tetap yang biasanya tersedia untuknya di Negara Pejanji yang satu lagi bagi maksud menjalankan aktivitinya. Jika dia mempunyai suatu pusat kegiatan tetap sedemikian, pendapatan itu boleh dicukai di Negara yang satu lagi tetapi hanya sekian banyak pendapatannya yang boleh dikaitkan dengan pusat kegiatan tetap itu.

2. Istilah "perkhidmatan profesional" termasuklah khususnya aktiviti saintifik, kesusasteraan, kesenian, pendidikan atau pengajaran yang bebas dan juga aktiviti bebas ahli perubatan, peguam, jurutera, arkitek, doktor pergigian dan akauntan.

Perkara 15

PERKHIDMATAN PERSENDIRIAN TIDAK BEBAS

1. Tertakluk kepada peruntukan Perkara 16, 18, 19 dan 20, gaji, upah dan saraan seumpamanya yang lain yang diperoleh oleh pemastautin suatu Negara Pejanji berkenaan dengan sesuatu pekerjaan boleh dikenakan cukai hanya di Negara itu melainkan jika pekerjaan itu dijalankan di Negara Pejanji yang satu lagi. Jika pekerjaan itu dijalankan sedemikian, apa-apa saraan yang diperoleh daripada pekerjaan itu boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu.

2. Walau apa pun peruntukan perenggan 1, saraan yang diperoleh oleh pemastautin suatu Negara Pejanji berkenaan dengan sesuatu pekerjaan yang dijalankan di Negara Pejanji yang satu lagi boleh dikenakan cukai hanya di Negara yang mula-mula disebut itu jika:

(a) penerima itu berada di Negara yang satu lagi bagi suatu tempoh atau tempoh-tempoh yang pada agregatnya tidak melebihi 183 hari dalam mana-mana tempoh dua belas bulan yang bermula atau berakhir dalam tahun fiskal yang berkenaan; dan

(b) saraan itu dibayar oleh, atau bagi pihak, seseorang majikan yang bukannya pemastautin Negara yang satu lagi itu; dan

(c) saraan itu tidak ditanggung oleh suatu establismen tetap atau pusat kegiatan tetap yang dipunyai oleh majikan itu di Negara yang satu lagi.

3. Walau apa pun peruntukan yang terdahulu Perkara ini, saraan berkenaan dengan sesuatu pekerjaan yang dijalankan di atas kapal atau di dalam pesawat udara yang dikendalikan dalam lalu lintas antarabangsa oleh sesuatu perusahaan suatu Negara Pejanji boleh dicukai di Negara itu.

Perkara 16

FI PENGARAH

Fi pengarah dan bayaran seumpamanya yang lain yang diperoleh oleh seseorang pemastautin suatu Negara Pejanji atas sifatnya sebagai anggota lembaga pengarah sesuatu syarikat yang merupakan pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi, boleh dicukai di Negara yang satu lagi itu.

Perkara 17

SENIMAN DAN AHLI SUKAN

1. Walau apa pun peruntukan Perkara 7, 14 dan 15, pendapatan yang diperoleh oleh seseorang pemastautin suatu Negara Pejanji sebagai seorang penghibur, seperti seniman teater, wayang gambar, radio atau televisyen, atau pemuzik, atau sebagai seorang ahli sukan, daripada aktiviti persendiriannya yang sedemikian yang dijalankan di Negara Pejanji yang satu lagi, boleh dicukai di Negara yang satu lagi itu.

2. Jika pendapatan berkenaan dengan aktiviti persendirian yang dijalankan oleh seseorang penghibur atau ahli sukan atas sifatnya yang sedemikian terakru bukan kepada penghibur atau ahli sukan itu sendiri tetapi kepada orang lain, pendapatan itu boleh, walau apa pun peruntukan Perkara 7, 14 dan 15, dicukai di Negara Pejanji yang di dalamnya aktiviti penghibur atau ahli sukan itu dijalankan.

3. Peruntukan perenggan 1 dan 2 tidaklah terpakai bagi saraan atau keuntungan yang diperoleh daripada aktiviti yang dijalankan di suatu Negara Pejanji jika lawatan ke Negara itu adalah secara keseluruhannya atau sebahagian besarnya disokong oleh dana awam Negara Pejanji yang satu lagi, subbahagian politik, pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya. Dalam hal yang sedemikian, saraan atau keuntungan itu boleh dikenakan cukai hanya di Negara Pejanji yang di dalamnya seniman atau ahli sukan itu merupakan pemastautin.

Perkara 18

PENCEN DAN ANUITI

1. Tertakluk kepada peruntukan perenggan 2 Perkara 19, pencen dan saraan dan anuiti seumpamanya yang lain yang dibayar kepada pemastautin suatu Negara Pejanji sebagai balasan bagi pekerjaan lampau boleh dikenakan cukai hanya di Negara itu.

2. Bagi maksud perenggan 1, istilah "anuiti" ertinya suatu jumlah wang tertentu yang kena dibayar secara berkala pada masa tertentu semasa hayat atau semasa suatu tempoh masa yang dinyatakan atau yang boleh ditentukan di bawah obligasi untuk membuat pembayaran sebagai balasan bagi balasan yang memadai dan penuh dalam bentuk wang atau yang boleh dinilaikan dengan wang.

Perkara 19

PERKHIDMATAN KERAJAAN

1. *(a)* Gaji, upah dan saraan seumpamanya yang lain, selain pencen, yang dibayar oleh suatu Negara Pejanji atau suatu subbahagian politik atau suatu pihak berkuasa tempatan atau suatu badan berkanunnya kepada seseorang individu berkenaan dengan perkhidmatan yang diberikan kepada Negara itu atau subbahagian politik atau pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya boleh dikenakan cukai hanya di Negara itu.

(b) Walau bagaimanapun, gaji, upah dan saraan seumpamanya yang lain itu, boleh dikenakan cukai hanya di Negara Pejanji yang satu lagi jika perkhidmatan itu diberikan di Negara itu dan individu itu ialah pemastautin Negara itu yang:

(i) merupakan rakyat Negara itu, atau

(ii) tidak menjadi pemastautin Negara itu semata-mata bagi maksud memberikan perkhidmatan.

2. *(a)* Apa-apa pencen yang dibayar oleh, atau daripada kumpulan wang yang diwujudkan oleh, suatu Negara Pejanji atau subbahagian politik atau pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya kepada mana-mana individu berkenaan dengan perkhidmatan yang diberikan kepada Negara itu atau subbahagian politik atau pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun boleh dikenakan cukai hanya di Negara itu.

(b) Walau bagaimanapun, pencen itu boleh dikenakan cukai hanya di Negara Pejanji yang satu lagi jika individu itu ialah pemastautin, dan rakyat, Negara itu.

3. Peruntukan Perkara 15, 16, 17 dan 18 hendaklah terpakai bagi gaji, upah dan saraan atau pencen seumpamanya yang lain berkenaan dengan perkhidmatan yang diberikan berkaitan dengan apa-apa perniagaan yang dijalankan oleh suatu Negara Pejanji atau subbahagian politik atau pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya.

Perkara 20

PENUNTUT DAN PELATIH

Seseorang individu yang merupakan pemastautin suatu Negara Pejanji sebaik sebelum membuat lawatan ke Negara Pejanji yang satu lagi dan sedang berada secara sementara di Negara yang satu lagi itu semata-mata:

(a) sebagai seorang penuntut di universiti, kolej, sekolah yang diiktiraf atau institusi pendidikan yang diiktiraf seumpamanya yang lain di Negara yang satu lagi itu;

(b) sebagai seorang perantis perniagaan atau teknik; atau

(c) sebagai seorang penerima suatu pemberian, elaun atau award bagi maksud utama pengajian, penyelidikan atau latihan daripada Kerajaan salah satu Negara atau daripada organisasi saintifik, pendidikan keagamaan atau khairat atau di bawah suatu program bantuan teknik yang dibuat oleh Kerajaan salah satu Negara,

hendaklah dikecualikan daripada cukai di Negara yang satu lagi itu mengenai:

(i) segala remit dari luar negara bagi maksud saraan, pendidikan, pengajian, penyelidikan atau latihannya; dan

(ii) jumlah pemberian, elaun atau award itu.

Perkara 21

PENDAPATAN LAIN

1. Butiran pendapatan seseorang pemastautin suatu Negara Pejanji, di mana-mana jua diperoleh, yang tidak diperkatakan dalam Perkara terdahulu Perjanjian ini boleh dikenakan cukai hanya di Negara itu.

2. Peruntukan perenggan 1, tidaklah terpakai bagi pendapatan, selain pendapatan daripada harta tak alih sebagaimana yang ditakrifkan dalam perenggan 2 Perkara 6, jika penerima pendapatan itu, yang merupakan pemastautin suatu Negara Pejanji, menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi melalui suatu establismen tetap yang terletak di dalamnya, atau menjalankan di Negara yang satu lagi perkhidmatan persendirian bebas dari suatu pusat kegiatan tetap yang terletak di dalamnya, dan hak atau harta yang berkenaan dengannya pendapatan yang dibayar itu sebenarnya berkaitan dengan establismen tetap atau pusat kegiatan tetap itu. Dalam hal yang sedemikian, peruntukan Perkara 7 atau Perkara 14, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah terpakai.

3. Walau apa pun peruntukan perenggan 1 dan 2, butiran pendapatan seseorang pemastautin suatu Negara Pejanji yang tidak diperkatakan dalam Perkara terdahulu perjanjian ini dan diperoleh di Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukai juga di Negara yang satu lagi itu.

Perkara 22

PENGHAPUSAN CUKAI DUA KALI

1. Tertakluk kepada undang-undang Malaysia berkenaan dengan kebenaran sebagai suatu kredit terhadap cukai Malaysia bagi cukai yang kena dibayar di mana-mana negara selain Malaysia, cukai Sepanyol yang dibayar di bawah undang-undang Sepanyol itu dan mengikut Perjanjian ini oleh seseorang pemastautin Malaysia berkenaan dengan pendapatan yang diperoleh dari Sepanyol hendaklah dibenarkan sebagai suatu kredit terhadap cukai Malaysia yang dibayar berkenaan dengan pendapatan itu. Jika pendapatan sedemikian ialah dividen yang dibayar oleh syarikat yang merupakan pemastautin Sepanyol kepada syarikat yang merupakan pemastautin Malaysia dan yang memiliki tidak kurang daripada 10 peratus daripada syer mengundi syarikat yang membayar dividen itu, kredit itu hendaklah mengambil kira cukai Sepanyol yang dibayar oleh syarikat itu berkenaan dengan pendapatannya yang daripadanya dividen itu dibayar. Kredit itu tidak boleh, walau bagaimanapun, melebihi bahagian cukai Malaysia itu, sebagaimana yang dihitung sebelum kredit itu diberikan, yang sesuai dengan butiran pendapatan itu.

2. Di Sepanyol, pencukaian dua kali hendaklah dielakkan mengikut sama ada peruntukan perundangan dalam negaranya atau peruntukan yang berikut:

(a) Jika seseorang pemastautin Sepanyol memperoleh pendapatan yang, mengikut peruntukan Penjanjian ini, boleh dicukai di Malaysia, Sepanyol, tertakluk kepada peruntukan perundangan dalam negaranya

berkenaan dengan kebenaran sebagai suatu kredit terhadap cukai Sepanyol bagi sesuatu cukai asing, hendaklah membenarkan:

(i) sebagai potongan daripada cukai atas pendapatan pemastautin itu, suatu amaun yang bersamaan dengan cukai yang dibayar di Malaysia;

(ii) potongan cukai perbadanan asas hendaklah diberikan mengikut perundangan dalam negara Sepanyol.

Potongan itu tidak boleh, walau bagaimanapun, melebihi bahagian cukai atas pendapatan itu, sebagaimana yang dihitung sebelum potongan itu diberikan, yang boleh dikaitkan, dengan pendapatan yang boleh dicukai di Malaysia.

(b) Jika, mengikut mana-mana peruntukan Perjanjian ini, pendapatan yang diperoleh oleh seseorang pemastautin Sepanyol dikecualikan daripada cukai di Sepanyol, Sepanyol boleh walau bagaimanapun, dalam mengira amaun cukai atas pendapatan selebihnya pemastautin itu, mengambil kira pendapatan yang dikecualikan itu.

3. Bagi maksud perenggan 2 Perkara ini, cukai pendapatan yang dibayar di Malaysia oleh seseorang pemastautin Sepanyol berkenaan dengan keuntungan perniagaan mengikut Perkara 7 hendaklah disifatkan termasuk apa-apa amaun cukai yang kena dibayar sebagai cukai Malaysia bagi mana-mana tahun tetapi bagi sesuatu pengecualian atau potongan cukai yang diberikan bagi tahun itu atau mana-mana bahagian tahun itu akibat daripada pemakaian peruntukan undang-undang Malaysia yang berikut:

(a) Akta Cukai Pendapatan 1967; dan

(b) Akta Penggalakan Pelaburan 1986,

setakat yang seksyen undang-undang itu tidak dipinda sejak tarikh Perjanjian ini ditandatangani atau telah dipinda hanya dalam hal yang kurang penting sebagai tidak menjejaskan sifat amnya.

(c) mana-mana peruntukan lain yang boleh dibuat kemudiannya bagi memberikan sesuatu pengecualian atau potongan cukai yang dipersetujui oleh pihak berkuasa berwibawa Negara Pejanji.

4. Peruntukan perenggan 3 hanya terpakai bagi 10 tahun yang pertama dari tarikh Perjanjian ini mula berkuat kuasa. Pihak berkuasa berwibawa hendaklah berunding antara satu sama lain untuk menentukan sama ada tempoh ini hendak dilanjutkan.

Perkara 23

TIADA DISKRIMINASI

1. Rakyat suatu Negara Pejanji tidaklah boleh dijadikan tertakluk di Negara Pejanji yang satu lagi kepada apa-apa pencukaian atau apa-apa kehendak yang berkaitan dengannya yang selain atau lebih membebankan berbanding dengan pencukaian dan kehendak yang berkaitan yang baginya rakyat Negara yang satu lagi itu dalam hal keadaan yang sama terutamanya mengenai permastautinan, adalah atau boleh dijadikan tertakluk.

2. Pencukaian ke atas establismen tetap yang dipunyai oleh suatu perusahaan suatu Negara Pejanji di Negara Pejanji yang satu lagi tidak boleh dilevi secara kurang baik di Negara yang satu lagi itu berbanding dengan pencukaian yang dilevi ke atas perusahaan Negara yang satu lagi itu yang menjalankan aktiviti yang sama. Peruntukan ini tidak boleh ditafsirkan sebagai mewajibkan suatu Negara Pejanji untuk memberi pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi apa-apa elaun diri, pelepasan dan pengurangan bagi maksud cukai berdasarkan taraf sivil atau tanggungjawab keluarga yang diberikan oleh Negara itu kepada pemastautinnya sendiri.

3. Kecuali jika peruntukan perenggan 1 Perkara 9, perenggan 8 Perkara 11, atau perenggan 8 Perkara 12, terpakai, bunga, royalti dan fi bagi perkhidmatan teknikal dan perbelanjaan lain yang dibayar oleh sesuatu perusahaan Negara Pejanji kepada seseorang pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi hendaklah, bagi maksud menentukan keuntungan yang boleh dikenakan cukai perusahaan itu, dipotong di bawah syarat-syarat yang sama seolah-olah ia telah dibayar kepada seseorang pemastautin Negara yang mula-mula disebut itu. Begitu juga, apa-apa hutang sesuatu perusahaan Negara Pejanji kepada seseorang pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi hendaklah bagi maksud menentukan modal yang boleh dikenakan cukai perusahaan itu, dipotong di bawah syarat-syarat yang sama seolah-olah hutang sesuatu perusahaan itu telah dibuat kepada pemastautin Negara yang mula-mula disebut itu.

4. Perusahaan suatu Negara Pejanji, yang modalnya dipunyai atau dikawal sepenuhnya atau sebahagiannya, secara langsung atau tidak langsung, oleh seorang pemastautin atau lebih Negara Pejanji yang satu lagi, tidak boleh dijadikan tertakluk di Negara yang mula-mula disebut itu kepada apa-apa pencukaian atau apa-apa kehendak yang berkaitan dengannya yang selain atau lebih membebankan berbanding dengan pencukaian dan kehendak berkaitan yang kepadanya perusahaan seumpamanya yang lain daripada Negara yang mula-mula disebut itu adalah atau boleh dijadikan tertakluk.

5. Dalam Perkara ini, istilah “pencukaian” ertinya cukai yang baginya Perjanjian ini terpakai.

Perkara 24

TATACARA PERSETUJUAN BERSAMA

1. Jika seseorang menganggap bahawa tindakan salah satu atau kedua-dua Negara Pejanji mengakibatkan atau akan mengakibatkan kepadanya pencukaian yang tidak mengikut peruntukan Pejanjian ini, dia boleh, walau apa pun remedi yang diperuntukkan oleh undang-undang domestik Negara itu, mengemukakan kesnya kepada pihak berkuasa berwibawa Negara yang dia merupakan pemastautinnya atau, jika kesnya termasuk di bawah perenggan 1 Perkara 23, kepada Negara Pejanji yang dia merupakan rakyatnya. Kes itu mestilah dikemukakan dalam masa tiga tahun dari pemberitahuan pertama tentang tindakan yang mengakibatkan pencukaian yang tidak mengikut peruntukan Perjanjian ini.

2. Pihak berkuasa berwibawa hendaklah berusaha, jika didapatinya bahawa bantahan itu wajar dan jika pihak berkuasa berwibawa itu sendiri tidak dapat mencapai suatu penyelesaian yang sesuai, untuk menyelesaikan kes itu melalui persetujuan bersama dengan pihak berkuasa berwibawa Negara Pejanji yang satu lagi, dengan tujuan untuk mengelakkan pencukaian yang tidak mengikut Penjanjian ini. Apa-apa persetujuan yang dicapai hendaklah dilaksanakan walau apa pun apa-apa had masa dalam undang-undang domestik Negara Pejanji.

3. Pihak berkuasa berwibawa Negara Pejanji hendaklah berusaha untuk menyelesaikan melalui persetujuan bersama apa-apa kesulitan atau keraguan yang berbangkit tentang pentafsiran atau pemakaian Perjanjian ini. Mereka boleh juga berunding bersama bagi penghapusan pencukaian dua kali dalam hal yang tidak diperuntukkan dalam Perjanjian ini.

4. Pihak berkuasa berwibawa Negara Pejanji boleh berhubung antara satu sama lain secara langsung bagi maksud mencapai persetujuan berhubung dengan perenggan yang terdahulu.

Perkara 25

PERTUKARAN MAKLUMAT

1. Pihak berkuasa berwibawa Negara Pejanji hendaklah bertukar-tukar maklumat sebagaimana yang perlu bagi menjalankan peruntukan Perjanjian ini atau peruntukan undang-undang domestik Negara Pejanji berkenaan dengan cukai diliputi oleh Perjanjian ini setakat yang pencukaian di bawahnya itu tidak bertentangan dengan Perjanjian ini. Pertukaran maklumat tidak disekat oleh Perkara 1. Apa-apa maklumat yang diterima oleh suatu Negara Pejanji hendaklah dikira sebagai rahsia mengikut cara yang sama seperti maklumat yang diperoleh di bawah undang-undang domestik Negara itu dan hendaklah didedahkan hanya kepada orang atau pihak berkuasa (termasuk mahkamah dan badan pentadbiran) yang berkenaan dengan pentaksiran atau pemungutan, penguatkuasaan atau pendakwaan berkenaan dengan, atau pemutusan rayuan berhubung dengan, cukai yang diliputi oleh Perjanjian ini. Orang atau pihak berkuasa berwibawa itu hendaklah menggunakan maklumat itu hanya bagi maksud sedemikian. Mereka boleh mendedahkan maklumat itu dalam prosiding mahkamah awam atau dalam keputusan kehakiman.

2. Peruntukan perenggan 1 tidak sekali-kali boleh ditafsirkan sebagai mengenakan obligasi ke atas suatu Negara Pejanji:

(a) untuk menjalankan langkah pentadbiran yang bercanggah dengan undang-undang dan amalan pentadbiran Negara Pejanji itu atau Negara Pejanji yang satu lagi;

(b) untuk memberikan maklumat yang tidak boleh didapati di bawah undang-undang atau mengikut perjalanan biasa pentadbiran Negara Pejanji itu atau Negara Pejanji yang satu lagi;

(c) untuk memberikan maklumat yang akan mendedahkan apa-apa rahsia perdagangan, perniagaan, perindustrian, komersial atau profesional atau proses perdagangan, atau maklumat, yang pendedahannya akan bertentangan dengan dasar awam (*ordre public*).

Perkara 26

ANGGOTA MISI DIPLOMATIK DAN JAWATAN KONSULAR

Tiada apa-apa jua dalam Perjanjian ini boleh menyentuh keistimewaan fiskal anggota misi diplomatik atau jawatan consular di bawah kaedah-kaedah am undang-undang antarabangsa atau di bawah peruntukan perjanjian khas.

Perkara 27

PERMULAAN KUAT KUASA

1. Kerajaan Negara Pejanji hendaklah memaklumkan satu sama lain melalui saluran diplomatik bahawa tatacara yang dikehendaki oleh undang-undang setiap Negara Pejanji bagi permulaan kuat kuasa Perjanjian ini telah dipatuhi.

2. Perjanjian hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh penerimaan pemberitahuan yang terkemudian yang disebut dalam perenggan 1 dan peruntukannya hendaklah berkuat kuasa:

(a) di Malaysia:

(i) berkenaan dengan cukai Malaysia, selain cukai pendapatan petroleum, bagi cukai yang boleh dikenakan bagi mana-mana tahun taksiran yang bermula pada atau selepas hari pertama bulan Januari dalam tahun kalendar yang mengikuti tahun yang dalamnya Perjanjian ini mula berkuat kuasa;

(ii) berkenaan dengan cukai pendapatan petroleum bagi cukai yang boleh dikenakan bagi mana-mana tahun taksiran yang bermula pada atau selepas hari pertama bulan Januari tahun kalendar kedua yang mengikuti tahun yang dalamnya Perjanjian ini mula berkuat kuasa.

(b) di Sepanyol:

berkenaan dengan cukai Sepanyol, bagi cukai yang boleh dikenakan bagi mana-mana tahun taksiran yang bermula pada atau selepas hari pertama bulan Januari dalam tahun kalendar yang mengikuti tahun yang dalamnya Perjanjian ini mula berkuat kuasa;

Perkara 28

PENAMATAN

Perjanjian ini hendaklah terus berkuat kuasa sehingga ditamatkan oleh satu daripada Negara Pejanji. Salah satu Negara Pejanji boleh menamatkan Perjanjian, melalui saluran diplomatik, dengan memberikan notis penamatan

bertulis sekurang-kurangnya enam bulan sebelum akhir mana-mana tahun kalendar yang mengikuti selepas tempoh lima tahun dari tarikh Perjanjian mula berkuat kuasa. Dalam keadaan sedemikian, Perjanjian ini hendaklah terhenti berkuat kuasa:

(a) di Malaysia:

(i) berkenaan dengan cukai Malaysia, selain cukai pendapatan petroleum, bagi cukai yang boleh dikenakan bagi mana-mana tahun taksiran yang bermula pada atau selepas hari pertama bulan Januari dalam tahun kalendar yang mengikuti tahun yang dalamnya notis itu diberikan;

(ii) berkenaan dengan cukai pendapatan petroleum bagi cukai yang boleh dikenakan bagi mana-mana tahun taksiran yang bermula pada atau selepas hari pertama bulan Januari tahun kalendar kedua yang mengikuti tahun yang dalamnya notis itu diberikan.

(b) di Sepanyol:

berkenaan dengan cukai Sepanyol, bagi cukai yang boleh dikenakan bagi mana-mana tahun taksiran yang bermula pada atau selepas hari pertama bulan Januari dalam tahun kalendar yang mengikuti tahun yang dalamnya notis itu diberikan.

PADA MENYAKSIKAN hal yang tersebut di atas, yang bertandatangan di bawah ini, yang diberi kuasa dengan sewajarnya, oleh Kerajaan mereka masing-masing, telah menandatangani Perjanjian ini.

DIBUAT dalam dua salinan di Madrid pada 24 hari bulan Mei 2006, setiap satu dalam bahasa Melayu, bahasa Sepanyol dan bahasa Inggeris, ketiga-tiga teks itu sama sahihnya. Sekiranya terdapat pertikaian dalam pentafsiran dan pemakaian Perjanjian ini, teks Inggeris hendaklah terpakai.

Bagi Malaysia	**Bagi Kerajaan Beraja Sepanyol**
HILMI BIN YAHAYA **SETIAUSAHA PARLIMEN** **KEMENTERIAN KEWANGAN**	**CARLOS OCAÑA PEREZ DE TUDELA** **SETIAUSAHA NEGARA BAGI** **KEWANGAN**

Protokol
kepada Perjanjian antara
Malaysia dengan
Negara Beraja Sepanyol
bagi Pengelakan Pencukaian Dua Kali dan
Pencegahan Pelarian Fiskal mengenai
Cukai atas Pendapatan

Apabila menandatangani Perjanjian antara Malaysia dengan Negara Beraja Sepanyol bagi Pengelakan Pencukaian Dua Kali dan Pencegahan Pelarian Fiskal mengenai Cukai atas Pendapatan penandatangan yang diberi kuasa

dengan sewajarnya, telah bersetuju, sebagai tambahan, mengenai peruntukan yang berikut yang hendaklah menjadi bahagian perlu Perjanjian tersebut:

1. Bagi maksud Perjanjian ini, istilah "badan berkanun", ertinya mana-mana pihak berkuasa atau badan Malaysia yang ditubuhkan oleh atau di bawah suatu undang-undang bertulis (bukan merupakan pihak berkuasa atau badan yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965) untuk menunaikan apa-apa fungsi yang bersifat awam.

2. Merujuk Perenggan 3 Perkara 4:

Adalah difahami bahawa "tempat pengurusan berkesan" ialah tempat di mana pengurusan utama dan keputusan komersial yang perlu bagi penjalanan perniagaan entiti dibuat secara berkesan.

3. Merujuk Perkara 11:

Jika selepas permulaan kuat kuasa Perjanjian ini, Malaysia telah menandatangani Perjanjian bagi pengelakan pencukaian dua kali dengan Negara ketiga yang merupakan anggota OECD atau Kesatuan Eropah (*European Union*), dan Perjanjian itu mengandungi kadar cukai pegangan yang lebih rendah (termasuk kadar sifar) daripada yang diperuntukkan di bawah Perjanjian ini, kadar cukai pegangan ini akan menggantikan, atas permintaan pihak berkuasa berwibawa Sepanyol, kadar di bawah Perjanjian ini, dari tarikh permulaan kuat kuasa Perjanjian antara Malaysia dengan negara ketiga itu.

4. Merujuk Perkara 6 hingga 21:

Peruntukan perkara 6 hingga 21 Perjanjian ini tidak terpakai bagi orang yang berhak ke atas apa-apa faedah cukai di bawah:

(a) Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990 atau sebagaimana yang dipinda; atau

(b) mana-mana undang-undang yang sebahagian besarnya serupa yang diperbuat kemudiannya.

Pihak berkuasa berwibawa Negara Pejanji hendaklah berhubung antara satu sama lain, melalui pertukaran nota, undang-undang yang termasuk di bawah perenggan *(b)*.

5. Merujuk Perkara 10, 11, 12 dan 13:

(a) Walau apa pun peruntukan Perjanjian ini, sesuatu syarikat pemastautin di suatu Negara Pejanji yang di dalamnya orang yang bukan pemastautin Negara itu memegang, secara langsung atau tidak langsung, penyertaan lebih daripada 50 peratus daripada modal syer, tidak berhak ke atas pelepasan yang diperuntukkan oleh Perjanjian ini berkenaan dengan dividen, bunga, royalti dan fi bagi

perkhidmatan teknikal dan laba modal yang diperoleh di Negara Pejanji yang satu lagi. Peruntukan ini tidak terpakai jika Syarikat tersebut terlibat dalam kendalian perniagaan hakiki, selain hanya pemegangan syer atau harta, di Negara Pejanji yang syarikat itu merupakan pemastautin.

(b) Sesuatu syarikat yang di bawah perenggan terdahulu tidak berhak ke atas faedah Perjanjian ini berkenaan dengan butiran pendapatan yang disebut terdahulu, masih boleh diberikan faedah sedemikian jika pihak berkuasa berwibawa Negara Pejanji bersetuju di bawah Perkara 24 Perjanjian itu bahawa penubuhan syarikat itu dan penjalanan pengendaliannya didapati berdasarkan sebab-sebab perniagaan sihat dan tidak ada pemerolehan faedah sedemikian sebagai tujuan utamanya.

6. Merujuk Perenggan 3 Perkara 17:

Difahami bahawa lawatan seniman dan ahli sukan "kebanyakannya" dibiayai oleh kumpulan wang awam apabila 75 peratus atau lebih daripada jumlah perbelanjaan ke atas pengangkutan, penginapan dan elaun harian dibiayai oleh kumpulan wang sedemikian.

PADA MENYAKSIKAN hal yang tersebut di atas, yang bertandatangan di bawah ini, yang diberi kuasa dengan sewajarnya oleh Kerajaan mereka masing-masing, telah menandatangani Protokol ini.

DIBUAT di Madrid pada 24 hari bulan Mei 2006, dalam dua salinan, setiap satu dalam bahasa Sepanyol, bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, kesemua tiga teks sama sahihnya. Dalam hal pentafsiran berbeza teks Sepanyol dan teks Melayu, teks Inggeris hendaklah terpakai.

Bagi Malaysia	**Bagi Kerajaan Beraja Sepanyol**
HILMI BIN YAHAYA **SETIAUSAHA PARLIMEN** **KEMENTERIAN KEWANGAN**	**CARLOS OCAÑA PEREZ DE TUDELA** **SETIAUSAHA NEGARA BAGI** **KEWANGAN**

Dibuat 17 Julai 2007
[Perb. 0.6869/27 Vol. 3(19); PN(PU^2)80A/X]

TAN SRI NOR MD BIN YAKCOP
Menteri Kewangan Kedua

[*Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 132(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 dan subseksyen 65A(5) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967*]

INCOME TAX ACT 1967
AND
PETROLEUM (INCOME TAX) ACT 1967

DOUBLE TAXATION RELIEF (THE GOVERNMENT OF THE KINGDOM OF SPAIN) ORDER 2007

IN exercise of the powers conferred by subsection 132(1) of the Income Tax Act 1967 [*Act 53*] and subsection 65A (1) of the Petroleum (Income Tax) Act 1967 [*Act 543*], the Minister makes the following order:

Citation

1. This order may be cited as the **Double Taxation Relief (The Government of the Kingdom of Spain) Order 2007**.

Double taxation relief

2. It is declared that the arrangements specified in the Schedule have been made by the Government of Malaysia with the Government of the Kingdom of Spain with a view to affording relief from double taxation in relation to Malaysian tax and Spanish tax (as defined in each case in the arrangements) and that it is expedient that those arrangements shall have effect.

SCHEDULE

(Paragraph 2)

AGREEMENT BETWEEN THE KINGDOM OF SPAIN AND MALAYSIA FOR THE AVOIDANCE OF DOUBLE TAXATION AND THE PREVENTION OF FISCAL EVASION WITH RESPECT TO TAXES ON INCOME

The Government of the Kingdom of Spain and the Government of Malaysia desiring to conclude an Agreement for the Avoidance of Double Taxation and the Prevention of Fiscal Evasion with respect to Taxes on Income have agreed as follows:

Article 1

PERSONS COVERED

This Agreement shall apply to persons who are residents of one or both of the Contracting States.

Article 2

TAXES COVERED

1. This Agreement shall apply to taxes on income imposed on behalf of a Contracting State or of its political subdivisions or local authorities, irrespective of the manner in which they are levied.

2. There shall be regarded as taxes on income all taxes imposed on total income, or on elements of income.

3. The existing taxes which are the subject of this Agreement are:

(a) in Malaysia:

(i) the income tax; and

(ii) the petroleum income tax;

(hereinafter referred to as "Malaysian tax");

(b) in Spain:

(i) the income tax on individuals;

(ii) the corporation tax; and

(iii) the income tax on non residents;

(hereinafter referred to as "Spanish tax").

4. This Agreement shall apply also to any identical or substantially similar taxes which are imposed after the date of signature of this Agreement in addition to, or in place of, the existing taxes. The competent authorities of the Contracting States shall notify each other of any significant changes which have been made in their taxation laws.

Article 3

GENERAL DEFINITIONS

1. For the purposes of this Agreement, unless the context otherwise requires:

(a) the term "Malaysia" means the territories of the Federation of Malaysia, the territorial waters of Malaysia and the sea-bed and subsoil of the territorial waters, and includes any area extending beyond the limits of the territorial waters of Malaysia, and the sea-bed and subsoil of any such area, which has been or may hereafter be designated under the laws of Malaysia and in accordance with international law as an area over which Malaysia has sovereign rights for the purposes of exploring and exploiting the natural resources, whether living or non-living;

(b) the term "Spain" means the Kingdom of Spain, and when used in a geographical sense, means the territory of the Kingdom of Spain, including its territorial sea and any area outside its territorial sea upon which, in accordance with international law and on application of its domestic legislation, the Kingdom of Spain exercises or may exercise in the future jurisdiction or sovereign right with respect to the seabed, its subsoil and superjacent waters, and their natural resources;

(c) the terms "a Contracting State" and "the other Contracting State" mean Spain or Malaysia as the context requires;

(d) the term "person" includes an individual, a company and any other body of persons;

(e) the term "company" means any body corporate or any entity which is treated as a body corporate for tax purposes;

(f) the terms "enterprise of a Contracting State" and "enterprise of the other Contracting State" mean respectively an enterprise carried on by a resident of a Contracting State and an enterprise carried on by a resident of the other Contracting State;

(g) the term "national" means:

(i) any individual possessing the nationality or citizenship of a Contracting State;

(ii) any legal person, partnership or association deriving its status as such from the laws in force in a Contracting State;

(h) the term "international traffic" means any transport by a ship or aircraft operated by an enterprise of a Contracting State, except when the ship or aircraft is operated solely between places in the other Contracting State;

(i) the term "competent authority" means:

(i) in the case of Malaysia, the Minister of Finance or his authorised representative; and

(ii) in the case of Spain, the Minister of Finance or his authorised representative.

2. As regards the application of this Agreement at any time by a Contracting State, any term not defined therein shall, unless the context otherwise requires, have the meaning that it has at that time under the law of that State for the purposes of the taxes to which this Agreement applies, any meaning under the applicable tax laws of that State prevailing over a meaning given to the term under other laws of that State.

Article 4

RESIDENT

1. For the purposes of this Agreement, the term "resident of a Contracting State" means any person who, under the laws of that State, is liable to tax therein by reason of his domicile, residence, place of management or any other criterion of a similar nature, and also includes that State, any political subdivision, local authority or a statutory body thereof.

2. Where by reason of the provisions of paragraph 1 an individual is a resident of both Contracting States, then his status shall be determined as follows:

(a) he shall be deemed to be a resident only of the State in which he has a permanent home available to him; if he has a permanent home available to him in both States, he shall be deemed to be a resident

only of the State with which his personal and economic relations are closer (centre of vital interests);

(b) if the State in which he has his centre of vital interests cannot be determined, or if he has not a permanent home available to him in either State, he shall be deemed to be a resident only of the State in which he has an habitual abode;

(c) if he has an habitual abode in both States or in neither of them, he shall be deemed to be a resident only of the State of which he is a national;

(d) if he is a national of both States or of neither of them, the competent authorities of the Contracting States shall settle the question by mutual agreement.

3. Where by reason of the provisions of paragraph 1 a person other than an individual is a resident of both Contracting States, then the competent authorities of the Contracting States shall settle the question by mutual agreement taking into account where the place of effective management is situated.

Article 5

PERMANENT ESTABLISHMENT

1. For the purposes of this Agreement, the term "permanent establishment" means a fixed place of business through which the business of an enterprise is wholly or partly carried on.

2. The term "permanent establishment" includes especially:

(a) a place of management;

(b) a branch;

(c) an office;

(d) a factory;

(e) a workshop; and

(f) a mine, an oil or gas well, a quarry or any other place of extraction of natural resources.

3. A building site, a construction, installation or assembly project constitutes a permanent establishment only if it lasts more than twelve months.

4. An enterprise of a Contracting State shall be deemed to have a permanent establishment in the other Contracting State if it carries on supervisory activities in that other State for more than six months in connection with a building site or a construction, installation or assembly project which is being undertaken in that other State.

5. Notwithstanding the preceding provisions of this Article, the term "permanent establishment" shall be deemed not to include:

(a) the use of facilities solely for the purpose of storage, display or delivery of goods or merchandise belonging to the enterprise;

(b) the maintenance of a stock of goods or merchandise belonging to the enterprise solely for the purpose of storage, display or delivery;

(c) the maintenance of a stock of goods or merchandise belonging to the enterprise solely for the purpose of processing by another enterprise;

(d) the maintenance of a fixed place of business solely for the purpose of purchasing goods or merchandise, or of collecting information, for the enterprise;

(e) the maintenance of a fixed place of business solely for the purpose of carrying on, for the enterprise, any other activity of a preparatory or auxiliary character;

(f) the maintenance of a fixed place of business solely for any combination of activities mentioned in sub-paragraphs *(a)* to *(e)*, provided that the overall activity of the fixed place of business resulting from this combination is of a preparatory or auxiliary character.

6. Notwithstanding the provisions of paragraphs 1 and 2, where a person - other than an agent of an independent status to whom paragraph 7 applies - is acting in one of the States on behalf of an enterprise of the other State, that enterprise shall be deemed to have a permanent establishment in the first-mentioned State in respect of any activities which that person undertakes for the enterprise if the person:

(a) has, and habitually exercises in the first-mentioned State an authority to conclude contracts in the name of the enterprise, unless the activities of such person are limited to those mentioned in paragraph 5 which, if exercised through a fixed place of business, would not make this fixed place of business a permanent establishment under the provisions of that paragraph; or

(b) has no such authority, but habitually maintains in the first-mentioned State a stock of goods or merchandise belonging to the enterprise from which he regularly fills orders on behalf of the enterprise.

7. An enterprise shall not be deemed to have a permanent establishment in a Contracting State merely because it carries on business in that State through a broker, general commission agent or any other agent of an independent status, provided that such persons are acting in the ordinary course of their business.

8. The fact that a company which is a resident of a Contracting State controls or is controlled by a company which is a resident of the other Contracting State, or which carries on business in that other State (whether through a permanent establishment or otherwise), shall not of itself constitute either company a permanent establishment of the other.

Article 6

INCOME FROM IMMOVABLE PROPERTY

1. Income derived by a resident of a Contracting State from immovable property (including income from agriculture or forestry) situated in the other Contracting State may be taxed in that other State.

2. The term "immovable property" shall have the meaning which it has under the law of the Contracting State in which the property in question is situated. The term shall in any case include property accessory to immovable property, livestock and equipment used in agriculture and forestry, rights to which the provisions of general law respecting landed property apply, usufruct of immovable property and rights to variable or fixed payments as consideration for the working of, or the right to work, mineral deposits, sources and other natural resources; ships, boats and aircraft shall not be regarded as immovable property.

3. The provisions of paragraph 1 shall apply to income derived from the direct use, letting, or use in any other form of immovable property.

4. The provisions of paragraphs 1 and 3 shall apply also to the income from immovable property of an enterprise and to income from immovable property used for the performance of independent personal services.

Article 7

BUSINESS PROFITS

1. The profits of an enterprise of a Contracting State shall be taxable only in that State unless the enterprise carries on business in the other Contracting State through a permanent establishment situated therein. If the enterprise carries on business as aforesaid, the profits of the enterprise may be taxed in the other State but only so much thereof as is attributable to that permanent establishment.

2. Subject to the provisions of paragraph 3, where an enterprise of a Contracting State carries on business in the other Contracting State through a permanent establishment situated therein, there shall in each Contracting State be attributed to that permanent establishment the profits which it might be expected to make if it were a distinct and separate enterprise engaged in the same or similar activities under the same or similar conditions and dealing wholly independently with the enterprise of which it is a permanent establishment.

3. In determining the profits of a permanent establishment, there shall be allowed as deductions expenses which are incurred for the purposes of the permanent establishment, including executive and general administrative expenses so incurred, whether in the State in which the permanent establishment is situated or elsewhere.

4. If the information available to the competent authority is inadequate to determine the profits to be attributed to the permanent establishment of an

enterprise, nothing in this Article shall affect the application of any law of that State relating to the determination of the tax liability of a person, provided that the law shall be applied, so far as the information available to the competent authority permits, in accordance with the principles of this Article.

5. No profits shall be attributed to a permanent establishment by reason of the mere purchase by that permanent establishment of goods or merchandise for the enterprise.

6. For the purposes of the preceding paragraphs, the profits to be attributed to the permanent establishment shall be determined by the same method year by year unless there is good and sufficient reason to the contrary.

7. Where profits include items of income which are dealt with separately in other Articles of this Agreement, then the provisions of those Articles shall not be affected by the provisions of this Article.

Article 8

SHIPPING AND AIR TRANSPORT

1. Profits of an enterprise of a Contracting State from the operation of ships or aircraft in international traffic shall be taxable only in that State.

2. Paragraph 1 shall also apply to the share of the profits from the operation of ships or aircraft derived by an enterprise of a Contracting State through participation in a pool, a joint business or an international operating agency.

Article 9

ASSOCIATED ENTERPRISES

1. Where:

(a) an enterprise of a Contracting State participates directly or indirectly in the management, control or capital of an enterprise of the other Contracting State, or

(b) the same persons participate directly or indirectly in the management, control or capital of an enterprise of a Contracting State and an enterprise of the other Contracting State,

and in either case conditions are made or imposed between the two enterprises in their commercial or financial relations which differ from those which would be made between independent enterprises, then any profits which would, but for those conditions, have accrued to one of the enterprises, but, by reason of those conditions, have not so accrued, may be included in the profits of that enterprise and taxed accordingly.

2. Where a Contracting State includes in the profits of an enterprise of that State – and taxes accordingly – profits on which an enterprise of the other

Contracting State has been charged to tax in that other State and the profits so included are profits which would have accrued to the enterprise of the first mentioned State if the conditions made between the two enterprises had been those which would have been made between independent enterprises, then that other State shall make an appropriate adjustment to the amount of the tax charged therein on those profits where that other State considers the adjustment justified. In determining such adjustment, due regard shall be had to the other provisions of this Agreement and the competent authorities of the Contracting States shall if necessary consult each other.

Article 10

DIVIDENDS

1. Dividends paid by a company which is a resident of a Contracting State to a resident of the other Contracting State may be taxed in that other State.

2. However, such dividends may also be taxed in the Contracting State of which the company paying the dividends is a resident and according to the laws of that State, but if the beneficial owner of the dividends is a resident of the other Contracting State, the tax so charged shall not exceed 5 per cent of the gross amount of the dividends. Notwithstanding the preceding provision of this paragraph, the Contracting State of which the company paying the dividends is a resident shall exempt from tax the dividends paid by that company to a company the capital of which is wholly or partly divided into shares and which is a resident of the other Contracting State, as long as it holds directly at least 5 per cent of the capital of the company paying the dividends.

This paragraph shall not affect the taxation of the company in respect of the profits out of which the dividends are paid.

3. The term “dividends” as used in this Article means income from shares or other rights, not being debt-claims, participating in profits, as well as income from other corporate rights which is subjected to the same taxation treatment as income from shares by the laws of the State of which the company making the distribution is a resident.

